

BANK ISLAM PERKUKUH IKATAN KOMUNITI MENERUSI PROGRAM IHTIMAM RAMADAN 2026/1447H

MUAR, JOHOR, Jumaat, [6 Mac 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini menganjurkan program Ihtimam Ramadan 2026/1447H dengan kerjasama Majlis Perbandaran Muar (MPM) di Masjid Al-Hikmah, Parit Kadhi sebagai usaha berterusan memperkukuh komitmen terhadap kesejahteraan sosial, keprihatinan serta pembangunan masyarakat.

Selaras dengan kemuliaan Ramadan, inisiatif tahunan ini menggabungkan elemen kebajikan dan kesukarelawanan bersama aktiviti-aktiviti keagamaan dan penglibatan masyarakat.

Perasmian program tahun ini disempurnakan oleh Pegawai Bertanggungjawab merangkap Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram bersama Yang Dipertua MPM, Tuan Haji Norrizam Muhamad.

Program ini melibatkan penyertaan aktif kira-kira 200 sukarelawan warga kerja Bank Islam, wakil-wakil MPM, majlis agama negeri, agensi kerajaan dan rakan strategik Sadaqa House Bank Islam serta komuniti setempat melalui pelbagai aktiviti yang menghidupkan suasana Ramadan.

Antara pengisian utama ialah gotong-royong penyediaan 1,000 bungkus bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai di Bazar Ramadan Dewan Jubli Intan, Muar. Selain itu, Bank Islam turut menyampaikan zakat berjumlah RM50,000 kepada 100 penerima asnaf, termasuk RM10,000 sumbangan kepada warga kerja MPM yang tidak berkemampuan serta RM5,000 kepada Masjid Al-Hikmah, Parit Kadhi bagi memanfaatkan masyarakat sekitar.

Mizan berkata, Bank Islam amat berterima kasih kepada Majlis Perbandaran Muar atas peluang menjadi rakan strategik bagi program yang begitu bermakna ini serta menghargai kerjasama hampir 100 warga MPM sebagai sukarelawan, selain sokongan daripada Masjid Al-Hikmah serta rakan-rakan komuniti setempat yang telah bersama-sama menjayakan program ini.

“Bank Islam sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengalaman perbankan serta memenuhi keperluan kewangan pelanggan melalui penawaran produk patuh Syariah yang inovatif dan relevan. Namun, aspirasi kami pada Ramadan ini lebih daripada sekadar urusan perbankan tetapi untuk mengimarahkan bulan yang mulia ini bersama masyarakat.

“Program Ihtimam Ramadan merupakan satu acara penting dalam kalendar Bank Islam setiap tahun kerana ia menzahirkan komitmen kami terhadap kesejahteraan masyarakat, terutamanya golongan yang memerlukan. Harapan kami agar hubungan antara Bank Islam, rakan kerjasama dan masyarakat terus berkekalan agar program berkongsi rezeki seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan demi manfaat penerima,” katanya.

Memasuki edisi ke-5 tahun ini, program Ihtimam Ramadan Bank Islam sebelum ini telah dianjurkan di Lumut, Perak; Sendayan, Negeri Sembilan; Pengkalan Chepa, Kelantan; dan Kuala Kangsar, Perak.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.